

NKF sangkal dakwaan tular promosi ubat sakit buah pinggang

KUALA LUMPUR - Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) menyangkal satu hantaran tular yang mempromosikan ubat bagi sakit buah pinggang tanpa perlu menjalani dialisis.

Pengerusinya, Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher berkata, hantaran dalam media sosial itu yang mempromosikan sejenis tablet sebagai ubat kepada sakit buah pinggang tanpa dialisis adalah satu penipuan dan ia memasukkan satu foto NKF Malaysia diambil pada satu acara pada tahun 2019 dan telah diedit.

“Kami ambil serius penipuan itu.

“NKF menyediakan nasihat mengenai pencegahan dan rawatan sakit buah pinggang berdasarkan bukti dan rundingan dengan panel pakar kami. Sejak bertahun-tahun terdapat pelbagai dakwaan dibuat oleh farmaseutikal, individu dan lain-lain di dalam aliran perubatan mengenai produk yang boleh mencegah sakit buah pinggang dan menyembuhkannya,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Susulan itu, NKF membuat laporan polis dan memfailkan aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). - Bernama